

25 SEP 1996

Ling-Kereta api

KTM CADANG PERUNDING BAGI LALUAN KERETA API MERENTASI ASIA

KUALA LUMPUR, 25 Sept (Bernama) -- Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTM) telah diminta memberikan nama-nama perunding tempatan dan asing yang layak mengadakan kajian kesesuaian cadangan laluan kereta api merentasi Asia dari Singapura ke China.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini berkata kementerian akan memilih perunding bagi tugas itu daripada senarai yang disediakan KTM.

Perunding itu akan diminta mengadakan kajian terhadap tiga aspek utama -- ekonomi, kejuruteraan dan kemudahan -- bagi projek laluan itu, katanya kepada pemberita di pejabatnya di sini.

Kajian ekonomi itu akan menumpukan kepada jangkaan muatan kargo dan penumpang perkhidmatan berkenaan sementara aspek kejuruteraan akan menentukan standard bagi trek kereta api itu, kata Dr Ling.

Pergerakan kargo dan penumpang merentasi sempadan melalui pemeriksaan kastam dan imigresen akan terkandung dalam kajian mengenai kemudahan, katanya.

Laluan kereta api itu dicadangkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada sidang kemuncak Asean di Bangkok Disember lepas.

Kajian kesesuaian dengan kos RM2 juta itu yang akan dijalankan dan dibiayai Malaysia, meliputi empat kemungkinan laluan trek kereta api berkenaan.

Satu dari Singapura ke Kunming di selatan China melalui Kuala Lumpur, Bangkok, Phnom Penh, Bandar raya Ho Chi Minh dan Hanoi.

Cadangan kedua ialah dari Singapura melalui Kuala Lumpur, Bangkok, Vientiane dan Kunming. Laluan ketiga ialah Singapura-Kuala Lumpur-Bangkok-utara Thailand-utara Myanmar-Kunming.

Cadangan laluan keempat ialah Singapura-Kuala Lumpur-Bangkok-Myanmar-Kunming. -- BERNAMA

YBK RON